



# Tari Lenggok tidak lagi khusus di hadapan pengantin

Oleh ZAHARUDDIN MOHD, RAFEI

DALAM Negeri Perak terdapat banyak tarian tradisional yang perkembangannya belum lagi meluas dan hanya diketahui oleh segelintir orang saja di daerah masing-masing.

Salah satu dari tarian itu yang makin terkenal serta mendapat perhatian Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Perak ialah tarian Lenggok yang terdapat di Pasir Panjang Laut dan Sitiawan dalam daerah Dindings.

Tarian Lenggok mendapat perhatian yang sungguh

menggalakkan dari tokoh-tokoh seni tempatan malah telah ditayangkan dalam rancangan Sanggar Budaya TV Malaysia baru-baru ini.

Yang paling mengembirakan ialah telah ada ura-ura hendak menjadikannya tarian tradisional yang rasmi untuk negeri Perak.

Menurut gurunya Encik Abdul Malik bin Abdullah tarian lenggok berasal dari Jawa, Indonesia.

Ia dibawa ke Pasir Panjang Laut oleh dua orang yang bernama Keran dan Haji Sirat kira-kira dalam tahun 1880.

Ketika itu hanya anak pinak kedua-dua orang itu saja serta mereka yang ada hubungan rapat dengan keluarga mereka yang mengetahui tarian tersebut.

Selepas Keran dan Haji Sirat meninggal dunia, penduduk Pasir Panjang Laut dari sehari kesehari mula melupakan keindahan tarian itu.

## Berjasa

Kemudian mencullah dua orang anak tempatan iaitu Imam Haji Wahid dan Pak Ngah Husin bin Nanas mengambil inisiatif menghidupkannya kembali.

"Atas jasa mereka berdua, tarian ini hidup hingga kehari ini. Kalau

tidak mungkin ia hanya tinggal nama saja," tegas Encik Abdul Malik.

Encik Abdul Malik seterusnya memberitahu, tarian Lenggok ini mengikut tradisinya khusus di hadapan pengantin saja.

Penari-penarinya pula terdiri dari lima atau empat orang anak gadis serta diiringi dengan pukulan rebana oleh empat orang saja.

Lagu-lagu yang dinyanyikan dalam bahasa Arab yang memuji pengantin serta mendoakan kedua mempelai hidup aman damai hingga keanak cucu.

"Tapi sekarang tarian ini banyak diubah-ubah, disesuaikan dengan perubahan masa supaya lebih diminati bukan untuk satu kaum saja, sebaliknya kalau boleh diminati oleh semua kaum

Dua rentak dari Tarian Lenggok. Berbeza dari tarian lain penarinya tidak berdiri tetapi berlutut di atas tilam melenggok-lenggokkan badan dan melentik-lentikkan jari.

di negara kita ini," terang Encik Abdul Malik. "Sekarang ini pun," katanya lagi "Saya telah banyak mencipta lagu-lagu dalam bahasa Melayu yang bukan hanya memuji pengantin, tetapi menyeluruh kepada memuja keindahan alam, menggambarkan kehidupan rakyat di desa serta memuji-muji pemimpin-pemimpin negara yang telah banyak membuat jasa kepada rakyat."

Bila ditanya kenapa tarian ini dipanggil lenggok, beliau memberitahu tarian ini tidak seperti tarian joget, inang, zapin atau pun cinta sayang yang penari-penarinya berdiri serta membuat berbagai-bagai ragam berpecah-pecah bila menari.

22 JAN 1976  
Diumum

"Penari-penari tarian lenggok hanya duduk berlutut beralaskan tilam dan penari-penari ini akan melenggok-lenggokkan badan serta melentik-lentikkan jari tangan dengan lemah lembut apabila lagu dimainkan," tegasnya.

Menurut Encik Abdul Malik tarian lenggok pernah dipertunjukkan serta diajarkan kepada rombongan belia dari Kanada semasa rombongan tersebut mengadakan khemah kerja di Dinding dalam tahun 1974 dulu.

Apa yang diharapkan semoga pihak yang berkenaan terutama Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Perak dengan segera mengemukakan tarian lenggok ini sebagai salah satu tarian tradisional Negeri Perak, dan dapatlah ia diperkembangkan seluas-luasnya untuk dipelajari oleh semua lapisan masyarakat di seluruh negara.